

**KEBERADAAN MONUMEN KEDAULATAN DAN TAPAK
BERNILAI SEJARAH DI PULAU LAYANG LAYANG, DALAM
GUGUSAN SEMARANG PENINJAU MALAYSIA
DI LAUT CHINA SELATAN**

*(THE EXISTENCE OF SOVEREIGN MONUMENTS AND SITE OF
HISTORICAL VALUES ON LAYANG LAYANG ISLAND, IN THE
SEMARANG CLUSTER OF MALAYSIAN EXPLORERS IN THE
SOUTH CHINA SEA)*

Baszley Bee Bin Basrah Bee & Amy Azuan Abdullah

Abstrak

Territorialisasi melalui pembangunan di kepulauan Spratly telah direntis oleh Malaysia lebih empat dekad lalu. Seawal tahun 1975, pendirian monumen kedaulatan telah dilakukan sebagai tanda pemilikan fitur-fitur marin milik Malaysia di Pulau Layang Layang (PLL) dan 4 buah terumbu dalam Gugusan Semarang Peninjau (GSP), bahagian selatan perairan kepulauan Spratly. Jumlah ini tidak termasuk di Pulau Kecil Amboyna dan terumbu Laksmana yang dicerobohi oleh Vietnam dan Filipina. Kesemua fitur ini telah mengalami kesusutan tanpa ada usaha pemeliharaan atau dimusnahkan oleh Vietnam dan Filipina. Hanya terdapat 3 buah monumen kedaulatan yang masih tinggal dan salah satunya berada di PLL yang merupakan stesyen utama kepada 4 stesyen lain di GSP. Atas persoalan kajian bahawa dalam isu tuntutan pemilikan dan pendudukan berkesan sesebuah negara terhadap pertikaian kawasan bertindih, penggunaan bukti arkeologi, sejarah dan sumber warisan budaya adalah elemen penting dalam menguatkan tuntutan pemilikan. Objektif kajian ini ialah untuk menjelaskan fungsi dalam konteks territorialisasi di LCS dan menilai potensi monumen kedaulatan serta tapak bersejarah di PLL sebagai manifestasi fizikal kepada pendudukan berkesan Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan ialah tinjauan arkeologi lapangan dan analisis potensi Warisan Kebangsaan berdasarkan peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), Seksyen 67, Subseksyen 2. Dapatan kajian mendapati monumen kedaulatan, runtutan Wisma KD Kaki Langit dan *stela* perasmian Stesyen Lima mempunyai potensi yang mencukupi untuk disenaraikan sebagai Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara.

Kata Kunci: Kepulauan Spratly; Pulau Layang Layang; Monumen Kedaulatan; Warisan Kebangsaan

Abstract

Territorialization through development in the Spratly Islands was pioneered by Malaysia more than four decades ago. As early as 1975, the establishment of sovereignty monuments was done as a sign of ownership of Malaysia's marine features on Pulau Layang Layang (PLL) and 4 reefs in the Semarang Peninjau Group (GSP), the southern part of the waters of the Spratly Islands. This number does not include Amboyna Cay and the Laksmana reef

which are encroached by Vietnam and the Philippines. All of these features have been degraded without any preservation efforts or destroyed by Vietnam and the Philippines. There are only 3 remaining sovereign monuments and one of them is in PLL which is the main station to the other 4 stations in GSP. On the research question, in the issue of ownership claims and effective occupation of a country over overlapping area disputes, the use of archaeological evidence, history and cultural heritage resources is an important element in strengthening ownership claims. The objective of this study is to clarify the function in the context of territorialization in LCS and evaluate the potential of sovereign monuments and historical sites in PLL as a physical manifestation of the effective occupation of Malaysia. The research methodology used is a field archaeological survey and analysis of the potential of National Heritage based on the provisions of the National Heritage Act 2005 (Act 645), Section 67, Subsection 2. The findings of the study found that the sovereignty monument, the ruins of the Wisma KD Kaki Langit and the Lima Station inauguration stela have sufficient potential to be listed as National Heritage by the National Heritage Department.

Keywords: *Sprathly Islands; Pulau Layang Layang; Sovereignty Monument; National Heritage*

PENGENALAN

Pembangunan penanda visual (*visual marker*) di sesebuah lanskap merupakan satu salah satu fenomena territorialisasi dalam menguasai ruang dan masa yang telah mengalami proses perubahan sesuai dengan dinamik geopolitik yang dipengaruhi oleh perubahan mengapa ianya didirikan (Aporta 2016). Salah satu bentuk penanda visual-bina tertua ialah penanda kawasan (*territorial marker*) yang dikaitkan dengan amalan mendirikan monumen batu semula jadi atau menhir yang telah dilakukan sejak zaman Neolitik melalui tradisi megalitik (Kim 1982; Darvill 2002; McNiven & Russell 2003; Varner 2004; McIntoch 2006; Grey 2013; Pozzi 2014; Heath 2019). Begitu juga pengukiran *stela* atau kepingan batu berukir atau pada tiang batu (*pillar*) atau monumen batu sejak tamadun Mesopotamia (Nail 2016:62)

Laut China Selatan (LCS) tidak terkecuali daripada fenomena ini. Persaingan awal antara China, Vietnam dan Britain dalam menguasai wilayah laut ini bermula pada abad ke-19 tetapi tidak melibatkan mendirikan sebarang monumen tanda pemilikan. Namun Vietnam dan China mendakwa telah berbuat demikian seawal tahun yang 1835 oleh kerajaan dinasti Nguyen (Pedrozo 2014; Borton 2015) dan 1909 oleh kerajaan Qing (Wu 2013). Pendirian monumen ini awalnya tertumpu di kepulauan Paracel akan tetapi tiada monumen awal yang didakwa ini pernah diketemukan lagi pada masa kini. Jika ada monumen sedemikian sekalipun, ianya belum berfungsi sebagai penanda kedaulatan sesebuah negara ke atas fitur dan kawasan sekitarnya. Monumen sedemikian hanya sebagai tugu peringatan mengenai peristiwa berkaitan ekspedisi, pertapakan atau penerokaan tidak dikaitkan dengan sebarang bentuk pentadbiran kawasan. British merupakan kuasa Eropah yang paling awal menuntut pemilikan ke atas fitur di LCS iaitu Pulau Spratly dan Pulau Kecil Amboyna di kepulauan Spratly pada tahun 1877. Walau bagaimanapun British tidak pernah mendirikan sebarang bentuk tugu penanda di mana-mana fitur di kepulauan ini meskipun aktif menjalankan survei hidrografi sejak tahun 1820-an (Hancox & Prescott 1999). Situasi ini berubah pada tahun 1938 apabila Perancis mendirikan tugu penanda di pulau Pattle, kepulauan Paracel. Beberapa bulan selepas Perancis menarik balik tenteranya dari kepulauan Spratly dan kepulauan Paracel pada tahun 1957, kerajaan Vietnam Selatan menduduki beberapa buah fitur Perancis dan mendirikan monumen penanda pemilikannya di Pulau Namyit dan Southwest Cay pada bulan April dan Ogos 1956. Selepas tahun 1957, Perancis membiarkan tuntutan ke atas kepulauan Paracel luput seperti yang dilakukan oleh Britain dengan tuntutan terhadap Pulau Spratly dan Pulau Kecil Amboyna, kepulauan Spratly (Tønnesson 2021).

Malaysia adalah negara perintis dalam pembangunan territorialisasi pada pertengahan tahun 1970-an di kepulauan Spratly yang dimulakan dengan pembinaan monumen kedaulatan di lima fitur marin dalam wilayah LCS yang dimilikinya yang dinamakan Gugusan Semarang Peninjau (GSP). Pembangunan ini berlaku seawal tahun 1975 iaitu sebelum Peta Baru Malaysia 1979 diterbitkan dan

Operasi Tugu 1980. Usaha ini sangat penting sebagai manifestasi Malaysia dalam mempertahankan wilayah kedaulatannya dalam bentuk pemilikan fitur marin atas permukaan laut di kawasan perairan pelantar benuanya di LCS (Baszley 2024). Pandangan ini adalah berasaskan kenyataan Forbes (2020):-

Malaysia's first steps in staking its claim in the South China Sea by occupying a feature and placing markers on five other nearby marine features to indicate territorial gain (Forbes 2020:12).

PERMASALAHAN KAJIAN

Pembuktian pemilikan dan pendudukan aktif ke atas sesebuah wilayah dalam konteks sejarah adalah bersandarkan kepada pelbagai bentuk sumber dokumentasi. Pada masa yang sama tinggalan budaya benda dalam bentuk sumber warisan budaya ketara dan tidak ketara menjadi pelengkap kepada sumber dokumentasi sejarah. Dalam isu tuntutan pemilikan dan pendudukan aktif sesebuah negara atau kerajaan ke atas kawasan bertindih, penggunaan bukti arkeologi dan sumber warisan warisan budaya bukanlah suatu yang baru. Pendekatan pembuktian ini telah digunakan oleh China dalam menguatkan tuntutannya dan membantah doktrin *res nullius* ke atas kepulauan Paracel (Han et al. 1988; Hayton 2015; Bonnet 2015; Wede 2019; Jing 2019, Aznar 2021). Isu persaingan pemilikan dan kedaulatan bertindih di kepulauan Spratly tidak terkecuali daripada penggunaan bukti sedemikian. Sejak dari awal persaingan lagi, penggunaan tinggalan budaya benda seperti kuil dan batu tanda telah digunakan untuk menunjukkan adanya usaha pendudukan aktif di beberapa pulau di kepulauan Spratly. Walaupun pendekatan ini tidak menonjol untuk kes tuntutan ke atas kepulauan ini berbanding penggunaan sumber sejarah, namun Vietnam menjadi negara pendahulu dalam usaha untuk memanipulasi sumber tinggalan budaya berbanding Malaysia, China, Taiwan dan Filipina.

Berdasarkan pernyataan ini, persoalan kajian ini ialah bagaimanakah sumber tinggalan budaya ketara yang terdapat di Pulau Layang Layang (PLL), bebatuan dan terumbu di kawasan GSP dapat membantu Malaysia dalam menguatkan pendudukan berkesannya di kawasan tersebut. Bagi persoalan itu, fokus kajian ini ialah menilai potensi budaya ketara dalam bentuk binaan monumen yang bernilai sejarah nasional berbanding budaya tidak ketara. Bagi menjawab persoalan itu, tiga bentuk tinggalan budaya yang telah dikenal pasti ialah tapak penempatan atau penerokaan awal, monumen dan objek *stela* mengenai peresmian Stesyen Lima PLL di kawasan GSP. Persoalan ini berkait rapat dengan apakah usaha yang perlu diproaktifkan oleh Malaysia dalam mengangkat sumber budaya ini dalam konteks pengurusan sumber warisan kebangsaan dan seiring dengan usaha yang juga dilakukan oleh Vietnam, China, Taiwan dan Filipina di kawasan yang mereka duduki di kepulauan Spratly.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini berobjektifkan:-

1. Mengkaji monumen kedaulatan dan tapak bernilai sejarah di PLL yang menjadi simbol territorialisasi bersejarah untuk membangkitkan semangat patriotisme mengenai kedaulatan wilayah Malaysia.
2. Meluaskan fungsi monumen kedaulatan dan tapak bersejarah di PLL untuk menguatkan pendudukan berkesan Malaysia di pulau tersebut dalam konteks pengurusan sumber warisan budaya.
3. Menilai potensi monumen kedaulatan dan tapak bersejarah di PLL untuk dimasukkan dalam Daftar dan menjadi Warisan Kebangsaan yang diwartakan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian lepas mengenai kedaulatan wilayah, persaingan dan tuntutan bertindih di kepulauan Spratly dan kepulauan Paracel sejak tahun 1970-an hingga kini lebih berkisar kepada pendekatan undang-undang, hubungan antarabangsa dan sains marin. Tidak banyak dilakukan melalui pendekatan sejarah, arkeologi dan pengurusan sumber warisan budaya khususnya berkaitan tinggalan arkeologi dan bersejarah di kedua kepulauan ini. Walau bagaimanapun, kajian lepas dalam konteks perbincangan

sejarah territorialisasi di LCS sering mengenengahkan istilah berkaitan dengan tinggalan yang dimaksudkan iaitu “*monument of sovereignty, monument asserting sovereignty, sovereignty steles, sovereignty marker, territorial markers, stone marker dan stone tablet*”. Istilah ini dikaitkan dengan perbuatan mendirikan atau meletakkan struktur binaan atau tanda yang menonjol berbentuk tugu, tiang atau kepingan yang diperbuat daripada batu semula jadi atau batu yang pahat-bentuk. Pendirian monumen sedemikian adalah disimbolkan sebagai “*acclaiming sovereignty contestation*” (Tseng 2016:30). Yakni, simbol persiangan terbuka sesebuah negara dalam menuntut kedaulatan ke atas sesebuah kawasan di kedua-dua kepulauan tersebut. Malah terdapat dalam kalangan sarjana secara sinis menggambarkan monumen sedemikian adakalanya lebih besar atau tinggi dari tonjolan bebatuan terumbu yang ditandai (Bateman & Emmers 2009).

Perbincangan yang mengarah kepada perkaitan monumen kedaulatan dengan sejarah aktiviti pendudukan dan usaha pembuktian dalam bentuk tinggalan budaya oleh sesebuah negara bersaing di kepulauan Spratly dan kepulauan Parcel ada disentuh secara kilasan berserta isu dan fakta lain seperti mana dalam kajian Hood (1993), Dzurek (1996), Kim (2000), Kang (2000), Collins (2003), Pia (2003), Vuving (2008), Pan (2009), Wu (2013), Pedrozo (2014), Hayton (2015), Song & Zou (2016), Wang (2016), Tseng (2017), Chang (2016), Nalanda (2016), Horhager (2016), Pradt (2016), Niv-Solomon. (2017), Emmers (2009), Nha (2019), Wede (2019), Raditio (2019), Tuc (2014), Minh (2021), Bateman & Emmers (2009), Hong (2012), Borton (2015 & 2017), Hai. (2017), Nehginpao (2020), Andelman (2021), Hayton (2016 & 2022), Talmon & Jia (2014), Poling (2022), Tonnesson (2002 & 2021). Manakala kajian lepas yang menyentuh sejarah pendirian monumen kedaulatan oleh Malaysia ialah oleh Storey (2020), Asri et al. (2009), Mat et al. (2020), Forbes (2020).

Manakala, signifikikasi monumen kedaulatan terhadap sesebuah negara yang berfungsi sebagai simbol nasionalisme, alat patriotisme dan medium propaganda territorialisasi, kepentingan dalam pendidikan dan signifikan bersejarah sesuatu peristiwa atau kawasan masih belum dikaji secara terperinci. Walaupun demikian terdapat kajian yang menyentuh perkara ini sepiantas lalu seperti oleh Bradley (1998), Wong (2004), Winter (2010), Fuller (2014), Oduntan (2015), Bellentani & Panico (2016), Savage (2018), Lambert & Ochsner (2019) Hui (2019) dan Baszley (2023).

Justeru, kajian ke atas monumen kedaulatan di kepulauan Spratly dan kepulauan Parcel secara khusus masih belum dilakukan dalam konteks kajian arkeologi, pengurusan sumber warisan budaya dan sejarah. Kelompangan kajian menyebabkan kajian perbandingan tidak dapat dilakukan khususnya dari segi konteks kajian tipologi fizikal dan simbolisme antara monumen yang dimiliki oleh Malaysia, Vietnam, China dan Taiwan. Kekangan kajian sedemikian adalah data kajian lapangan yang sukar diperolehi kerana batasan keselamatan di mana lokasi monumen tersebut didirikan adalah kawasan sensitif untuk pengkaji asing mengunjungi. Tema seperti nasionalisme warisan, propaganda warisan dan pendidikan perlu diterokai untuk mengisi kelompangan kajian berkaitan penuntutan ke atas wilayah bertindih di LCS.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berkaitan monumen kedaulatan, objek dan tapak bernilai sejarah di PLL adalah berdasarkan pendekatan disiplin arkeologi dan pengurusan sumber warisan. Disiplin ini tidak banyak beza dari aspek pencarian dan akses sumber iaitu kajian arkib, perpustakaan dan kajian lapangan. Perbezaan yang jelas ialah interpretasi data yang diperolehi adalah bersifat subjektif bersesuaian dengan kepentingan negara dan gaya penulisan yang sentrik, condong atau memihak kepada pembuktian sesebuah negara. Oleh itu, kajian ini telah menggunakan data laporan tinjauan arkeologi lapangan yang telah dilakukan dari tanggal 20 hingga 26 Jun 2022. Manakala pendekatan pengurusan sumber warisan untuk analisis potensi Warisan Kebangsaan berdasarkan peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Kerangka metodologi kajian ini disesuaikan daripada kajian Tonnesson (2002).

Tidak banyak sumber primer yang diperolehi berkaitan monumen kedaulatan di arkib dan perpustakaan berbanding dengan milik perseorangan yang dikongsikan dalam media sosial seperti *blog, Facebook dan Youtube*. Bentuk sumber primer yang sering diketemukan ialah foto. Manakala

sumber sekunder adalah lebih pelbagai bentuknya sama ada buku, artikel jurnal, kertas seminar, laporan atau warta resmi kerajaan dan surat khabar. Bentuk sumber sekunder sedemikian juga banyak dan mudah diakses melalui capaian atas talian.

Kaedah analisis untuk menjelaskan fungsi dalam konteks territorialisasi di LCS dan menilai potensi monumen kedaulatan, objek dan tapak bernilai sejarah di PLL adalah berdasarkan 9 kretaria pertimbangan yang dibentuk berdasarkan peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), Seksyen 67, Subseksyen 2. Interpretasi data adalah mengambil kira kepentingan melindungi aspek keselamatan kebangsaan Malaysia dalam mengesahkan kedaulatan wilayahnya di GSP. Manakala gaya penulisan adalah naratif yang menunjukkan kedaulatan Malaysia. Seperti menggunakan nama dan perkataan yang bersesuaian dan piawai dengan dasar, perundangan, bidang kuasa maritim dan pembangunan kelautan Malaysia di LCS.

DEFINISI MONUMEN

Monumen umumnya dikaitkan dengan struktur berupa tiang (*pillar*) atau kepingan batu berukir berdiri (*stela*) yang telah digunakan dalam penandaan kawasan pemilikan dan kedaulatan kawasan sejak 4,400 tahun lalu. Tinggalan arkeologi yang tertua diketemukan ialah “*Stele of Vultres*” dan “*Stele of Masclin*” yang didirikan oleh Eannatum, raja kerajaan Lagash Mesopotamia pada tahun 2,400 Sebelum Masehi dan Raja Masclin dari kerajaan Kish sebelum itu (Winter 2010; Gbenga 2015; Nail 2016; Butterfield 2016; King 2020). Monumen sedemikian meluas dibina dalam beberapa tamadun seperti Greeco-Roman (Thomas 1992; Fowler et al. 2017), Mesir purba (Franke 2013), Mesoamerika, zaman Kekhalifahan Islam dan zaman kedinastian China (Wong 2004; Qizhi 2015).

Definisi monumen dapat dibahagikan kepada empat pengertian iaitu umum (kamus), arkeologi dan perundangan warisan. Kata monumen berasal dari perkataan Latin iaitu “*monere*” yang bererti “untuk memberi peringatan”. Sebagaimana menurut pandangan Lambert dan Ochsner (2019) disesuaikan dengan monumen kedaulatan dalam konteks *hic et nunc* (di sini dan sekarang) iaitu:-

... the monument is a reminder of the past, it also projects a trajectory towards the future, in the sense that it is meant to endure and remind future generation of its legacy (Lambert & Ochsner 2019:21).

Definisi terawal mengenai monumen ialah oleh Marcus Terentius Varro (116-27 SM) dalam *books of 6, De Lingua Latina*:-

Meminisse a memoria, cum id quod remansit in mente ruses mouetur; quae a manendo ut Manumoria potest esse dicta... Ab eo cetera quae scripta ac facta memoriae cause monimenta dicta (Varro, 1471-2:49).

Petikan di atas menjelaskan kata “monumen” berasal atau ada kaitan dengan kata *meminisse* iaitu “untuk mengingat” dari kata *memoria* iaitu “ingatan”, mengimbau kembali ke belakang dengan apa yang telah kekal dalam fikiran; ini mungkin berasal daripada kata *manere* iaitu “untuk mengingatkan”, seperti *Manimoria* (dalam ingatan). Daripada penggunaan kata-kata ini, perkara lain yang ditulis atau dihasilkan untuk ingatan dipanggil *monimenta* iaitu “peringatan” (Lambert & Ochsner 2019).

Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (2015), monumen ialah bangunan (patung dll) yang dibina untuk memperingati seseorang atau sesuatu peristiwa penting, juga dikaitkan dengan tugu. Manakala *Oxford Concise Dictionary of Archaeology* (2003) mendefinisikan monumen sebagai “*In common usage the term is taken to mean any large artificial structure of archaeological interest*” (Darvell 2003:270).

Definisi perundangan warisan Malaysia mengenai “monumen” luas maksudnya tetapi khusus merujuk kepada bentuk tinggalan budaya benda. Definisi yang diberikan adalah seiring dengan peruntukan perundangan warisan UNESCO. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) Bahagian 1 Perkara 2 menyebut:-

“monumen” ertinya kerja seni bina, kerja membuat arca dan mengecat monumen, elemen atau struktur dari jenis arkeologi, inskripsi, penghunian gua dan gabungan ciri, yang mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains.

Perundangan antarabangsa Menurut definisi UNESCO Convention Concerning the Protection of the World Cultural dan Natural Heritage, 1972, Article 1, monumen ialah:-

Monument: architectural works, works of monumental sculpture and painting, elements or structures of an archaeological nature, inscription, cave dwellings and combinations of features, which are of outstanding universal value from the point of view of history, art or sciences;

ICOMOS Statutes 1978, Article 3 mendefinisikan monumen sebagai:-

The term “monument” shall include all structures (together with settings and pertinent fixtures and contents) which are of value from the historical, artistic, architectural, scientific or ethnological point of view, the definition shall include works of monumental sculpture and painting, element or structures of an archaeological nature, cave dwellings and all combination of such features.

Kesimpulannya, monumen adalah struktur fizikal yang dibangunkan dengan fungsi khusus yang ada kaitan tujuan memberi peringatan. Sebagaimana Fuller (2014) mendefinisikan monumen ialah:-

A monument is “the permanent structure, building, erections... made at the place to mark the memory of a historical event, action, place or person...” As physical structures, monuments are the embodiment of foundation myths, memories, and philosophies, and serve as official sites for the commemoration of war victories and the martyrs who died for the state, among other function (Fuller 2014:119).

Di samping penggunaan kata “monumen”, kata “stela” juga perlu difahami maksudnya kerana kata ini berkait rapat dengan monumen kedaulatan yang terdapat di kepulauan Spratly dan kepulauan Paracel. Justeru itu, Monumen bukanlah struktur yang kosong binaanya, ianya dilengkapi dengan tulisan atau akasara dan ada kalanya dihiasi dengan bendera dan ukiran lain.

Definisi Stela

Stela adalah merujuk kepada binaan bertulis yang didirikan berfungsi sebagai penanda wilayah atau sempadan. Kata “*stela*” ini berasal kata Yunani dan “*stela*” dalam bahasa Latin yang bermaksud batu kepingan bertulis atau batu inskripsi (Thomas 1992; Wong 2004; Winter 2010). Kata *stela* juga sinonim dengan monumen. Justeru dalam kajian lepas, terdapat sesetengah pengkaji seperti Pedrozo (2014), Tuc (2014), Wang (2016), Nha (2019), Tong (2000) dan Minh (2021) yang menggunakan istilah “*sovereignty stela*” seperti yang dibina oleh Vietnam di West London Reef, Collins Reef dan Discovery Great Reef.

Stela berbanding dengan monumen dalam konteks kebudayaan kepulauan Melayu Nusantara adalah menyerupai bentuk prasasti, batu inskripsi atau batu bersurat. Pandangan ini bersandarkan sifat fizikal binaan, ciri utama yang bertulis, berbentuk kepingan meskipun dalam pelbagai ukuran tetapi tidak menyerupai sebuah tugu dan mempunyai fungsi tertentu berkaitan dengan mengingatkan tentang sesuatu perkara berkaitan dengan individu atau peristiwa atau perintah (Boechari 2012; Bakker 1972; Reyvaldi Uyun et al. 2021).

SEJARAH PENDIRIAN MONUMEN KEDAULATAN MALAYSIA

Sejarah pembinaan monumen kedaulatan Malaysia di kepulauan Spratly bermula di pulau kecil Amboyna pada tahun 1975 oleh tentera Malaysia dan JUPEM. Monumen ini kemudian dimusnahkan oleh tentera Vietnam pada tahun 1976 dan digantikan dengan tugu lain oleh negara tersebut. Pada tahun 1977 Malaysia menambah perkataan “Pulau Kecil Amboyna” pada tugu yang dibina oleh

tentera Vietnam pada tahun 1976. Pada tahun kemudiannya, tentera Vietnam mendudukinya secara tetap dan memusnahkan tugu tersebut dan membina tugu baru pada Jun 1978 (Mat et al. 2021).

Melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Jun 1979 telah memutuskan pembinaan 10 buah monumen setinggi 7.62 meter (25 kaki) sebagai tanda pemilikan Malaysia ke atas fitur-fitur marin di kawasan GPS sebagai tambahan kepada beberapa monumen penanda awal. Pada 31 Januari 1980, Operasi Tugu digerakkan merealisasikan pembinaan monumen baru tersebut (Mat et al. 2020).

Jadual 1: Senarai pulau, terumbu, beting dan monumen kedaulatan di GSP

Bil	Nama	Tugu 1	Tugu 2	Musnah	Pendudukan Haram
1	Pulau Kecil Amboyna	1975	Oktober 1977	1976, Jun 1978	Vietnam
2	Pulau Layang-Layang	April 1980	Jun 1980	-	-
3	Terumbu Laksamana	April 1980	Mei 1980	Jun 1980	Filipina
4	Terumbu Semarang Barat Kecil	April 1980	Julai 1980	-	-
5	Terumbu Semarang Barat Besar	April 1980	Julai 1980	1985	-
6	Terumbu Laya	-	-	-	-
7	Terumbu Ubi	1977	-	-	-
8	Terumbu Mantanani	-	-	-	-
9	Terumbu Siput	-	-	-	-
10	Terumbu Peninjau	-	-	-	-
11	Terumbu Perahu	-	-	-	Vietnam
12	Beting Petingi Ali	-	-	-	-

Sumber: Baszley (2022)

Fasa I antara 2 hingga 19 April 1980 adalah melibatkan kerja-kerja penyediaan tapak asas untuk monumen kekal dibina oleh RAJD dengan menggunakan *KD Sri Banggi* sebagai platform utama dengan dilengkapi sebuah pesawat Nuri TUDM. Pada bulan tersebut hanya 4 buah asas monumen di PLL, Terumbu Laksamana, Terumbu Semarang Barat Kecil dan Terumbu Semarang Barat Besar dapat disiapkan kerana 6 buah terumbu lain di tenggelami air (Fadhil 2018:26-27; Mat et al. 2020:12).

Fasa II antara 6 hingga 20 Mei 1980, monumen kedaulatan berbentuk obselik tiga segi dengan puncak rata dibina di Terumbu Laksamana dengan menggunakan 4 kepingan konkrit sebagai tapak dan 5 blok konkrit sebagai badan monumen oleh RAJD. Platform yang digunakan ialah *KD Sri Langkawi* dan pesawat Nuri TUDM. Namun monumen kedaulatan ini hanya berusia sebulan sahaja kerana dimusnahkan oleh komando Filipina pada bulan Jun 1980 yang menyamar sebagai nelayan semasa pembinaannya lagi (Mat et al. 2021:63). Tentera Filipina kemudian menduduki secara tetap terumbu tersebut dengan menamakannya semula sebagai Rizal reef dan membina tugu penanda atas runtuhannya monumen kedaulatan Malaysia (Fadhil 2018:28-29; Mat et al. 2020:12; *Palawan News* 4/1/2024).

Fasa III antara 16 Jun hingga 10 Julai 1980 melibatkan pembinaan monumen kedaulatan obselik segitiga di PLL (21 Jun 1980), Terumbu Semarang Barat Kecil (4 Julai 1980) dan Terumbu Semarang Barat Besar (7 Julai 1980). Operasi Tugu ini menggunakan platform *KD Sri Langkawi* dengan dilengkapi sebuah pesawat Nuri TUDM (Fadhil 2018:30-31). Pada tahun 1985, monumen kedaulatan Terumbu Semarang Barat Besar dilaporkan “hilang” (Mat et al. 2020:12).

Operasi Tugu Fasa I, II, III hanya berjaya membina 4 buah monumen kedaulatan yang cemerlang dilaksanakan oleh para anggota dari No. 1 Skuadron, No. 2 Skuadron dan No. 8 Skuadron, No. 3 Skuadron, No. 91 Rejimen Bantuan dan No. 92 Skuadron RAJD; Rejimen Gerak Khas (RGK);

KD Sri Banggi dan *KD Sri Langkawi* TLDM; Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Skuadron Ke-5 (Nuri M23-33) TUDM (Mat et al. 2020:12).

PERBINCANGAN


Penilaian kondisi fizikal kedua-dua monumen kedaulatan di PLL (Baszley 2022) ialah seperti berikut:-

1. Struktur binaan konkrit segi empat monumen kedaulatan 1 (Foto 2) yang dibina pada bulan April 1980 setinggi 1 meter telah mengalami kemerosotan struktur dan bahan binaan yang ketara. Blok konkrit berbentuk obselik terpotong (puncak rata) telah mengalami rekahan yang ketara pada semua sisi. Manakala pada bahagian tapak mengalami peretakan yang jelas dan menampakkan ruang antara bahagian kaku dan bebatuan semula jadi di bawahnya. Begitu juga terdapat kesan dua sumbing pada bahagian badan dan puncak yang ketara. Perkataan “Malaysia” juga telah pudar.
2. Struktur binaan konkrit segi tiga monumen kedaulatan 2 (Foto 1) yang dibina pada bulan Jun 1980 setinggi 6.72 meter adalah terdiri daripada empat kepingan konkrit sebagai tapak dan lima blok konkrit berlainan saiz serta ketinggian sebagai badan binaan. Ciri bentuk binaan ini ialah semakin meninggi dan menirus berbentuk obselik puncak yang rata yang menjadi identiti kesemua tugu yang dibina pada Fasa II dan Fasa III. Terdapat ruang segi empat memanjang menegak pada blok konkrit kedua dan ketiga untuk berkemungkinan berfungsi sebagai ruang penyimpanan “objek” yang belum dapat dipastikan. Ciri ini juga dikesan pada monumen kedaulatan di Terumbu Semarang Barat Besar. Kondisi struktur binaan adalah seperti berikut:-
 - a. Struktur binaan sedang mengalami proses kemerosotan yang ketara.
 - b. Kesan pengaratan pada dinding luar blok konkrit akibat proses pengoksidaan tetulang besi blok konkrit ketara pada semua sisi daripada bahagian tapak hingga puncak.
 - c. Plak bendera Malaysia yang masih wujud ialah pada sisi timur. Manakala plak yang sama pada sisi barat laut telah tertanggal (Foto 2).
 - d. Papan tanda dengan perkataan “Malaysia” yang masih wujud ialah pada sisi barat laut. Manakala Papan tanda yang sama pada sisi timur telah tertanggal (Foto 3).
 - e. Papan tanda dengan perkataan “Terumbu” yang masih wujud ialah pada sisi barat laut. Manakala Papan tanda yang sama pada sisi timur telah tertanggal (Foto 4).
 - f. Struktur 20 anak tangga palang besi terdapat pada sisi tenggara, secara menegak daripada blok konkrit pertama hingga blok konkrit kelima. Lima palang tangga pada blok kedua dan ketiga berdepanan ruang kosong segi empat menegak telah hilang.
 - g. “Objek” pada ruang kosong sisi selatan (f) telah hilang.
 - h. Lampu pada puncak monumen masih wujud tetapi tidak pasti masih berfungsi.

Rumusan penilaian ialah kedua-dua monumen kedaulatan PLL ini telah mengalami kemerosotan yang ketara dari segi struktur dan komponen fizikal. Keadaan ini menunjukkan perlunya penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan untuk memulihara dan mengekalkan integriti struktur monumen tersebut.



Foto 1. Monumen kedaulatan 1 pulau Layang Layang
 Sumber: Kajian Lapangan 2022



Peta 1. Lokasi monumen kedaulatan, tugu asas yang masih kekal dan dimusnahkan oleh Vietnam (Pulau Kecil Amboyna) dan Filipina (Terumbu Laksamana)
 Sumber: Baszley (2022)




Foto 2. Pandangan sisi timur monumen kedaulatan 2 PLL
Sumber: Baszley (2022)



Foto 3. Pandangan sisi tenggara monumen kedaulatan 2 PLL



Foto 4. Pandangan sisi barat laut monumen kedaulatan 2 PLL
Sumber: Baszley (2022)



Rajah 1. Lakaran monumen kedaulatan Malaysia di PLL
Sumber: Baszley (2022)

Tapak Lain Bernilai Sejarah Di Pulau Layang-Layang

Selain monumen kedaulatan PLL terdapat dua buah tapak bernilai sejarah lain di pulau kecil ini. Tapak yang dimaksudkan ialah tapak penempatan awal PASKAL TLDM pada Mei 1983 dan objek *stela* peresmian pengkalan Stesyen Lima pada 17 April 1984 (Baszley 2022).

Wisma KD Kaki Langit

Pendaratan untuk menduduki secara kekal pulau ini oleh anggota PASKAL TLDM pada Mei 1983 adalah berdasarkan arahan Kabinet pada 21 Ogos 1981. Pada awal bulan Ogos 1983 sebuah unit penginapan telah siap dibina oleh No. 91 Rejimen Bantuan RAJD di sebelah Timur monumen kedaulatan. Unit penginapan ini dinamakan Wisma KD Kaki Langit dengan jolokan nama “Rumah Lama”. Bangunan ini lebar berukuran sekitar 7.5 x 5.5 meter, dengan 24 tiang setinggi 1 meter, pelapik tiang setebal 20 cm dan tebal lantai 40 cm. Bangunan ini kemudian digantikan pengkalan kekal dalam bentuk modul dibina di lokasi lain di atas sebuah pulau buatan yang dibangunkan menggunakan teknologi *Caisson Retained Island* (CRI) yang dirasmikan pada 17 April 1984 oleh Perdana Menteri Malaysia. Modul ini kemudiannya dinamakan Stesyen Lima dan menjadi pusat kepada perkembangan pembangunan PLL seterusnya (Fadhil 2018:34-69).



Foto 5. Puing tiang dan lantai Wisma KD Kaki Langit
Sumber: Baszley (2022)

Kondisi Tapak Wisma KD Kaki Langit

Bangunan Wisma KD Kaki Langit PLL kini hanya tinggal lantai dan tiang sahaja. Penilaian kondisi tapak dan puing bangunan (Baszley 2022) adalah seperti berikut:-

1. Bahagian permukaan tapak adalah terdiri dari bebatuan semula jadi pulau Layang Layang.
2. Kesemua tiang bangunan masih wujud tetapi telah mengalami penyusutan yang kritikal dengan kesan perekahan dan pemecahan konkrit yang jelas.
3. Tetulang besi tiang dan lantai telah mengalami proses pengkaratan yang kritikal dengan kesan pengoksidaan mendedahkan besi yang telah reput.
4. Permukaan lantai dipenuhi dengan puing, serpihan kepingan konkrit dan menjadi sarang burung.

Stela Peresmian Pengkalan Stesyen Lima

Objek *stela* peresmian pengkalan Stesyen Lima PLL pada 17 April 1984 masih dijaga dengan baik di tapak yang kekal. Objek ini terletak di hadapan bangunan utama Stesyen Lima (Baszley 2022).



Foto 6. *Stela Peresmian Stesyen Lima*
Sumber: Baszley (2022)

Potensi Sebagai Warisan Kebangsaan

Monumen kedaulatan dan tapak bernilai sejarah lain di PLL berpotensi tinggi diangkat menjadi tapak warisan kebudayaan kebangsaan negara. Monumen, tapak dan objek tersebut merupakan sebuah peringatan yang perlu dilegasikan kepada generasi seterusnya untuk dipertahankan sebagai simbol kedaulatan Malaysia di LCS. Perkara yang sama telah dilakukan oleh Vietnam dan China dalam melindungi dan memelihara monumen kedaulatan mereka secara aktif kebelakangan ini menerusi penerapan nilai sejarahnya sebagai elemen pendidikan, patriotisme dan pelancongan. Seterusnya dengan menjadi monumen kedaulatan mereka sebagai ikon kepada kedaulatan wilayah mereka di kepulauan Spratly dan kepulauan Paracel (Baszley 2022).

Merujuk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), Seksyen 24, Pesuruhjaya boleh menetapkan mana-mana tapak yang mempunyai warisan semula jadi atau warisan kebudayaan yang penting menjadi tapak warisan. Manakala Seksyen 67, Subseksyen 2, pertimbangan Menteri mengisytiharkan sesebuah tapak warisan dan objek warisan disenaraikan dalam Daftar atau Warisan Kebangsaan atas perkara berikut (Baszley 2022):-

- (a) kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia;
- (b) ciri-ciri bentuk atau estetik;
- (c) pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;
- (d) hubungan sosial atau kebudayaan;
- (e) potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia;
- (f) kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau intergrasi bentuk yang luar biasa;
- (g) jarang tidaknya atau keunikan warisan semula jadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air;
- (h) gambaran bentuk suatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis tapak atau objek; dan
- (i) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting.

Berdasarkan perkara di atas, penilaian konteks fizikal dan simbolisme potensi monumen kedaulatan, tapak Wisma KD Kaki Langit dan objek *stela* perasmian Stesyen Lima sebagai Warisan Kebangsaan (Baszley 2022) adalah seperti Jadual 2:-

Jadual 2: Kriteria pertimbangan untuk menilai kedudukan fizikal dan simbolisme potensi monumen kedaulatan, tapak Wisma KD Kaki Langit dan objek *stela* perasmian Stesyen Lima sebagai Warisan Kebangsaan

Bentuk Sumber	Kriteria Pertimbangan								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Monumen Kedaulatan 1 dan 2	√	√	√	√	√	√	√	√	√
Tapak Wisma KD Kaki Langit	√		√	√	√	√	√		√
Objek <i>Stela</i> Perasmian Stesyen Lima	√			√	√	√			√

Sumber: Baszley (2022)

Malaysia perlu mengangkat monumen kedaulatan di PLL ke dalam Senarai Warisan Kebangsaan untuk menguatkan aktiviti pendudukan berkesan dalam bentuk peruntukan perundangan persekutuan. Perkara yang sama telah dilakukan awal oleh Vietnam ke atas tugu penanda pendudukan negara ini di Pulau Namyit dan Southwest Cay, kepulauan Spratly yang dibina pada tahun 1956 melalui Keputusan No. 1825 oleh Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Vietnam pada bulan Jun 2014 (Baszley 2022).

KESIMPULAN

Pendirian monumen kedaulatan selain daripada menjadi bukti sejarah juga dijadikan sebagai alat untuk menaikkan semangat kedaulatan dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebagaimana aktif dilakukan oleh Vietnam dan China. Kesimpulannya, kajian ini merupakan usaha pertama dalam mendokumentasikan secara *in-situ* monumen kedaulatan Malaysia, tapak Wisma KD Kaki Langit dan objek *stela* perasmian Stesyen Lima di PLL sebagai sumber warisan budaya Malaysia di GSP. Perlu difahami kesemua tinggalan budaya yang terdapat di kepulauan Spratly dan kepulauan Paracel hanya berusia lingkungan 150 tahun kecuali tapak kapal karam China di kepulauan Paracel. Justeru, meskipun kebanyakannya adalah tidak melewati usia 100 tahun namun sejarahnya seiring dengan tempoh pertikaian tuntutan bertindih di kedua-dua kepulauan tersebut (Baszley 2022).

Diharapkan usaha mengangkat ketiga-tiga bentuk sumber warisan budaya dan bernilai sejarah di PLL ini untuk menjadi Warisan Kebangsaan pada masa depan akan memicu kajian yang lebih terperinci dalam usaha melindungi, memelihara dan konservasi. Akhir sekali, pengkalan struktur semula jadi PLL di mana letaknya dua dari tiga sumber tersebut merupakan usaha terbaik dalam memelihara warisan semula jadi pulau ini. Secara tidak langsung tapak bebatuan PLL dan sumber bernilai sejarah yang ada saling berintergrasi sebagai warisan hibrid yang unik. Ianya merupakan suatu keunikan yang berbeza dan tidak dimiliki pada fitur-fitur marin yang diduduki oleh Vietnam, China, Taiwan dan Filipina LCS.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah merupakan sebahagian dari hasil dapatan kajian Kluster Geopol dengan bantuan geran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan kajian lapangan oleh Universiti Malaysia Sabah melalui penyelidikan bertajuk “Sumber semula jadi dan potensi pembangunan strategik ekonomi luar pantai Malaysia: Pulau Layang-Layang” (TR@M001-2019). Penghargaan turut diberikan kepada Majlis Keselamatan Negara dan Tentera Laut DiRaja Malaysia atas bantuan yang diberikan.

RUJUKAN

- Andelman, D.A. 2021. *A red line in the sand: Diplomacy, strategy, and the history of wars that might still happen*. New York: Pegasus Books.
- Aporta, C. 2016. Markers in space and time: Refelctions on the nature of place names as events in the Inuit approach to the territory. Dlm, William Lovis & Robert Whallon. (eds). *Marking the land: Hunter-gatherer creation of meaning in their environment*, hlm. 67-88. Oxon: Routledge.

- Asri Salleh, Che Hamdan Che Mohd Razali & Kamaruzaman Jusoff. 2009. Malaysia's policy towards its 1963 - 2008 territorial disputes. *Journal of Law and Conflict Resolution* 1(5): 107-116.
- Aznar, M. J. 2021. Maritime claims and underwater archaeology: When history meets politics, *Brill Research Perspectives in the Law of the Sea* 4(1-2): 1-131.
- Bakker, J.W.M. 1972. *Ilmu prasasti Indonesia*. Yogyakarta: Jurusan Sejarah Budaya IKIP Sanata Dharma.
- Baszley Bee Basrah Bee. 2022. Laporan Kajian Kluster Geopol: Monumen kedaulatan Malaysia dan tapak bernilai sejarah di Pulau Layang Layang. Projek Penyelidikan TR@M001-2019: "Sumber semulajadi dan potensi pembangunan strategik ekonomi luar pantai Malaysia: Pulau Layang-Layang". Universiti Malaysia Sabah.
- Baszley Bee Basrah Bee. 2023. Monumen kedaulatan di kepulauan Spratly sebagai ikon dan medium propaganda dalam membangkitkan patriotisme wilayah maritim: Pengajaran dari pembangunan susulan oleh Vietnam. Seminar Penyelidikan Pulau Layang-Layang 2/2023. SIRC. Universiti Malaysia Sabah.
- Baszley Bee Basrah Bee. 2024. Pembangunan muzium dan industri pelancongan mengenai Laut China Selatan oleh Vietnam: Ancaman atau penanda aras. Seminar Penyelidikan Pulau Layang Layang, 1/2024. SIRC. Auditorium Azman Hashim, Universiti Malaysia Sabah. 20 Februari 2024.
- Bateman, S. & Emmers, R. 2009. *Security and international politics in the South China Sea: Towards a co-operative management regime*. London: Routledge.
- Bellentani, F. & Panico, M. 2016. The meanings of monuments and memorials: toward a semiotic approach. *Punctum* 2(1): 28-46.
- Boechari. 2012. *Melacak sejarah kuno Indonesia lewat prasasti*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Bonnet, F. 2015. Archeology and patriotism: Long term Chinese strategies in the South China Sea. The Southeast Asia Sea Conference, Ateneo Law Center, Makati, March 27 2015.
- Borton, J. 2015. *The South China Sea: Challenges and promises*. Xlibris Corporation.
- Borton, J. 2017. *Islands and the rocks in the South China Sea: Post-Hague rulling*. Xlibris.
- Bradley, R. 1998. *The significance of monuments*. London: Routledge.
- Butterfield, H. 2016. *The origins of history*. London: Routledge.
- Chang, Y. 2016. The South China Sea disputes: An opportunity for the cross Taiwan Strait relationship. *Asian Yearbook of International Law* 22: 50-66.
- Collins, A. 2003. *Security and Southeast Asia: Domestic, regional, and global issues*. Singapore: ISEAS.
- Daily Report: China*, Issues 59-68. 1995.
- Darvill, T. 2003. *Oxford concise dictionary of archaeology*. Oxford: Oxford University press.
- Dzurek, D.J. 1996. The Spratly islands dispute: Who's on first?. *Maritime Briefing* 2(1). Durham: IBRU University of Durham.
- Emmers, R. 2016. *Geopolitics and maritime territorial disputes in East Asia*. London: Routledge.
- Fadhil Bin Abdul Rahman et al. (eds). 2018. *Guardian of the frontier*. Kuala Lumpur: Royal Malaysia Navy Sea Power Centre.
- Forbes, V. 2020. Introduction. Dlm, Hamzah, B.A., Adam L. & Vivian F. (eds). *Malaysia and South China Sea: Policy, strategy and risks*, hlm. 1-11. Kuala Lumpur: Ilham Pena Publishing.
- Fowler, P., Grocock, C, & Melville, J. 2017. *OCR Ancient history GCSE Component 2: Rome*. New York: Bloomsbury Publishing.
- Franke, D. 2013. *Egyptian stelae in the British Museum from the 13th To 17th Dynasties: Descriptions, Volume 1, Part 1*. London: London Museum.
- Fuller, H. 2014. Monumental nationalism. In: Fuller, H. (ed). *Building the Ghanaian nation-state: Kwame Nkrumah's symbolic nationalism*, hlm. 119-139. New York: Palgrave Macmillan.
- Grey, M. 2013. Sacred geography: Cosmic and cometary induced cataclysms, and the megalithic response. Dlm, Hancock, G. et.al. (eds). *The disinformation guide to ancient aliens, lost civilization, astonishing archaeology and hidden archaeology*, hlm. 149-161. San Francisco: Red Wheel/Weiser.
- Hai, D.T. 2017. *Vietnam and the South China Sea: Politics, security and legality*. Oxon: Routledge.
- Han, Z., Jinzhi, L. & and Fengbin, W. 1988. *Compilation of historical materials of South China Sea islands*. Beijing: Oriental Publishing House.
- Hancox, D & Prescott, V. 1999. *Secret hydrographic surveys in the Spratly islands*. London: ASEAN Academic Press.

- Hayton, B. 2015. The importance of evidence: fact, fiction and the South China Sea. 2015 AsiaSent Importance of Evidence.docx. <https://www.billhayton.com/wp-content/uploads/2015-AsiaSent-Importance-of-Evidence.pdf> Akses pada 10/9/2022
- Hayton, B. 2022. How to solve the South China Sea disputes. *Perspectives* 25.
- Heath, J. 2019. *Exploring megalithic Europe: Amazing sites to see for yourself*. Lanham: Rowman & Littlefield.
- Hood, S.J. 1993. *Dragons entangled: Indochina and the China-Vietnam war*. Armonk: M.E. Sharpe.
- Horhager, E.I. 2016. China-ASEAN relation and the South China Sea: Beyond balancing and bandwagoning. Dlm, Fels, E. & Vu, T. (eds). *Power politics in Asia's contested waters: Territorial disputes in the South China Sea*, hlm. 359-388. New York: Springer.
- Hui, A. 2019. Text, monuments and the desire for immortality. Dlm, Lambert, L.B. & Ochsner, A. (eds). *Moment to monument: The making and unmaking of cultural significance*, hlm. 19-34. New York: transcript Verlag.
- ICOMOS Statutes 1978.
- Information and Press Department. 1979. *Vietnam's sovereignty over the Hoang Sa and Troung Sa archipelagos*. Ministry of Foreign Affairs, Socialist Republic of Viet Nam, Hanoi.
- Jing, Y. 2019. Protection of underwater cultural heritage in China: New developments. *International Journal of Cultural Policy* 25(6): 756-76.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur: DBP.
- Kim, P. 1982. *Megalithic cultures in Asia*. Seoul: Hanyang University.
- King, L.W. 2020. *A history of Sumer and Akkad*. Frankfurt: BoD – Books on Demand.
- Kipgen, N. 2020. *The politics of South China Sea disputes*. Oxon: Routledge.
- Lambert, L.B. & Ochsner, A. (eds). 2019. *Moment to monument: The making and unmaking of cultural significance*. New York: transcript Verlag.
- Mat Taib Yasin, Azhar Abdul Rahman & Johari Ramzan Ahmad. 2020. Malaysia's Occupation of Spratly Features: A Special Operation by PASKAL. Dlm, Hamzah, B.A., Adam L. & Vivian F. (eds). *Malaysia and South China Sea: Policy, strategy and risks*, hlm. 12-33. Kuala Lumpur: Ilham Pena Publishing.
- Mat Taib Yasin, Azhar Abdul Rahman & Johari Ramzan Ahmad. 2021. *Battling the waves on the South China Sea*. Kuala Lumpur: PUSMAS.
- McIntosh, J. 2006. *Handbook to life in prehistoric Europe*. Oxford: Oxford University Press.
- McNiven, I.J. & Russell, L. 2002. Ritual response: Place marking and the colonial frontier in Australia. Dlm, David, B. & Wilson, M. (eds). *Inscribed landscapes: Marking and making place*, hlm. 27-41. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Minh, N.T. 2021. Legal basis affirms sovereignty of the state of Vietnam to the two archipelagos of Hoang Sa and Truong Sa. *The Journal of Middle East and North Africa Sciences* 7(01): 10-12.
- Nail, T. 2016. *Theory of the Border*. Oxford: Oxford University Press.
- Nha, N. 2019. *Vietnam, territoriality and the South China Sea: Paracel and Spratly Islands*. London: Routledge.
- Niv-Solomon, A. 2017. *Cooperation and protracted conflict in international affairs: Cycles of reciprocity*. New York: Pelgrave Macmillan.
- Nong Hong. 2012. *UNCLOS and ocean dispute settlement: Law and politics in the South China Sea*. London: Routledge.
- Oduntan, G. 2015. *International law and boundary disputes in Africa*. London: Routledge.
- Pan, J. 2009. *Toward a new framework for peaceful settlement of China's territorial and boundary disputes*. Leiden: Martinus Nijhoff Publishers.
- Pedrozo, R. 2014. *China versus Vietnam: An Analysis of the Competing Claims in the South China Sea*. CNA Occasional Paper, August.
- Pia, J.V.P. 2003. Conflicting territorial claims in the South China Sea. Master Thesis. World Maritime University, Malmö, Sweden.
- Poling, G.B. 2022. *On dangerous ground: America's century in the South China Sea*. Oxford: Oxford University Press.
- Pozzi, A. 2014. *Megalithism: Sacred and pagan architecture in prehistory*. Boca Raton: Universal-Publishers.
- Pradt, T. 2016. *China's new foreign policy: Military modernisation, multilateralism and the 'China threat'*. Berlin: Pelgrave macmillan.
- Raditio, K.H. 2019. *Understanding China's behaviour in the South China Sea: A defensive realist perspective*. Sydney: Palgrave Macmillan.

- Reyvaldi Uyun, Muhamad Idris, Ahmad Zamhari & Nur Ahyani. 2021. *Tinjauan historis hubungan Jawa-Melayu dalam dunia arsitektur Melayu Sumatera Selatan sebagai materi pembelajaran sejarah*. Srikaton: Penerbit Lakeisha.
- Roy, N. 2016. *The South China Sea disputes: Past, present, and future*. Lanham: Lexington Books.
- Savage, K. 2018. *Standing soldiers, kneeling slaves: Race, war, and monument in nineteenth-century America*. Princeton: Princeton University Press.
- Shen, J. 1998. Territorial aspects of the South China Sea island disputes. Dlm, Nordquist, M.H. & Moore, J.N. (eds.). *Security flashpoints: Oil, islands, sea access and military confrontation*, hlm. 139–218. Leiden: Brill.
- Song, Yann-huei & Zou, Keyuan. 2016. *Major law and policy issues in the South China Sea: European and American perspectives*. New York: Routledge.
- Storey, I. 2020. Malaysia and the South China Sea Dispute: Policy Continuity amid Domestic Political Change. *Perspective* 25.
- Talmon, Stefan & Jia, B. 2014. *The South China Sea arbitration: A Chinese perspective*. Oxford: Hart Publishing.
- Thomas, R. 1992. *Oral tradition and written record in Classical Athens*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tonnesson, S. 2002. The History of the dispute. Dlm, Kivimäki, T. (ed). *War or peace in the South China Sea?*, hlm. 6-23. Copenhagen: NIAS Press.
- Tonnesson, S. 2021. The South China Sea: Historical development. Dlm. Keyuan, Z. (ed). *Routledge handbook of the South China Sea*. New York: Routledge.
- Tønnesson, S. 2021. The South China Sea: Historical developments. Dlm. Zou, K. (ed). *Routledge handbook of the South China Sea*, hlm. 31-45. London: Routledge.
- Tseng, H. K. 2016. *Rethinking South China Sea disputes: The untold dimensions and great expectations*. Taylor & Francis, 2016.
- Tseng, Hui-Yi. 2017. *Revolution, state succession, International treaties and the Diaoyu/Diaoyutai islands*. Cambridge: Cambridge Scholars Publishing.
- Tuc, N.H. 2014. China's "Historical Evidence": Vietnam's Position on South China Sea. *RJS Commentary*, 170.
- UNESCO Convention Concerning the Protection of the World Cultural dan natural Heritage, 1972.
- Varner, G.R. 2004. *Menhirs, dolmen, and circles of stone: The folklore and magic of sacred stone*. New york: Algora Publishing.
- Varro, M.T. 1471-2. *De lingua Latina*. Rome: Georgius Lauer.
- Vuving, A.L. 2008. Vietnam: arriving in the World-and at a crossroads. Dlm. Daljit Singh & Tin Maung Maung Than. (eds). *Southeast Asian affairs 2008*. Singapore: ISEAS.
- Wang, K. 2016. Making dangerous ground safe: The role of Taiping island. *Prospect Journal* 15: 115-139.
- Wede, G. 2019. The uses of 'Chinese Heritage': Foreign policy of the People's Republic of China in the contemporary Indo-Pacific world. Dlm. Burkhard Schnepel & Tansen Sen. *Travelling pasts: The politics of cultural heritage in the Indian Ocean world*, hlm. 169-194. Leiden: Brill.
- Winter, I. 2010. *On art in the Ancient Near East: From the Third Millennium BCE*. Leiden: Brill.
- Wong, D.C. 2004. *Chinese steles: Pre-Buddhist and Buddhist use of a symbolic form*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Wong, D.C. 2004. *Chinese steles: Pre-Buddhist and Buddhist use of a symbolic form*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- WPS lost fisherman reunites with employers. *Palawan News*. 4/1/2024. <https://palawan-news.com/wps-lost-fisherman-reunites-with-employers/> Akses pada 28/2/2024.
- Wu, S. 2013. *Solving disputes for regional cooperation and development in the South China Sea*. Oxford: Chandos Publishing.
- Yusof Ismail & Khatijah Ibrahim. (eds.). 1993. *Dasar-dasar kerajaan Malaysia: Tinjauan Menyeluruh*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.
- Zhang, Q. 2015. *An introduction to Chinese history and culture*. London: Springer.

Baszley Bee Basrah Bee
Pensyarah Kanan
Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Felo Bersekutu
Pusat Penyelidikan Pulau-Pulau Kecil (SIRC)
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: baszley@ums.edu.my

Amy Azuan Abdullah, Ph.D
Pensyarah Kanan
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
E-mail: amyaz_abd@ums.edu.my

Received: 29th February 2024

Accepted: 16th March 2024

Published: 30th June 2024